Tung Hang Sing & Satu Yang Lain lwn Chow Ah Soon

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — GUAMAN SIVIL NO 23-215-87
ABDUL MALEK H
31 MEI 1991

Acara Sivil — Tambahan pihak baru — Permohonan defendan untuk menjadikan estet plaintif sebagai defendan bersama dalam tindakan yang sama — Bolehkah dibernarkan — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A 15 k 6(2)(b) & A 16

Dalam kes ini, pihak defendan telah memfailkan permohonan untuk membolehkan, antara lainnya, pihak defendan dibernarkan membawa harta pesaka Tang Chuan Hock, simati, sebagai defendan bersama dalam prosiding ini dan pindaan kepada tajuk pliding untuk mencerminkan perkara ini. Pihak plaintif telah membantah permohonan ini kerana kelewatan oleh pihak defendan membuat permohonan ini.

Diputuskan, menolak permohonan defendan itu:

(1) Pihak yang hendak dijadikan defendan bersama oleh defendan ialah harta pesaka penunggang motosikal yang telah meninggal dunia (kemudiannya disebut 'simati') yang melaluinya plaintif pertama, sebagai orang tanggungan sah harta pesaka simati, sedang menuntut terhadap defendan.

(2) Jika permohonan dibenarkan, ini akan bermakna bahawa orang tanggungan sah harta pesaka simati sedang menuntut dari harta pesaka simati juga. Dalam kata lain, harta pesaka simati akan menjadi plaintif pertama dan juga defendan kedua dan ini bukanlah keadaan yang dimaksudkan oleh A 15 k 6(2)(b) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 kerana ianya tidak sepatutnya timbul.

(3) Penyata pembelaan defendan juga telah membutirkan tentang kecuaian simati dan jika mahkamah berpendapat bahawa butir-butir tersebut telah dibuktikan selepas pendengaran dijalankan, tentulah plaintif pertama tidak akan berjaya langsung dalam tuntutannya.

[English summary

In this case, the defendants had filed an application, inter alia, that the defendants be allowed to bring the estate of Tang Chuan Hock, deceased, as the co-defendant in this proceedings and an amendment be made to the heading of the pleadings to reflect the same. The plaintif had objected to this application because of the delay by the defendants in making this application.

Held, dismissing the application:

(1) The party to be made co-defendant by the defendant is the estate of the motor cycle rider who had died (hereinafter called 'the deceased') through whom the first plaintiff is suing the defendant as the legal dependent of the deceased's estate.

(2) If this application is allowed, this will mean that the legal dependent of the deceased's estate is claiming from the deceased's estate too. In other words, the deceased's estate will be the first plaintiff and also the second defendant and this is not what is envisaged by O 15 r 6(2)(b) of the Rules of High Court 1980 as it cannot so arise.

(3) The statement of defence of the defendant had particularized the negligence of the deceased and if the court is of the opinion that the said particulars had been proved after the hearing, the first plaintif will definitely not succeed in his claim.]

[*Nota Penyunting*: Pihak defendan telah merayu kepada Mahkamah Agung melalui Rayuan Sivil 02-213-91.]

Kes-kes rujukan

1 *Hee Awa & Ors* v *Syed Muhammad Sazalay & Anor* [1988] 1 MLJ 300 (dibezakan)
2 *Chan Yee* v *Chan Yoke Fong* [1990] 3 MLJ 297 (dibezakan)

Undang-undang rujukan

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 15 k 6(2)(b), A 16

Vejayan Namasoo bagi pihak plaintif.
J Vijayakumar bagi pihak defendan.

Cur Adv Vult

Abdul Malek H: Pada 25 Mac 1991 pihak defendan telah memfailkan saman dalam kamar seperti berikut:

(i) kebenaran diberi untuk memfailkan permohonan ini;
(ii) defendan dibenarkan untuk membawa harta pesaka Tang Chuan Hock simati sebagai defendan bersama dalam prosiding ini;
(iii) plaintif akan meminda tajuk saman dan penyata tuntutan untuk memasukkan harta pesaka Tang Chuan Hock simati sebagai defendan bersama dalam prosiding ini dan membuat segala pindaan yang dikehendaki;
(iv) setelah plaintif membuat pindaan yang tertentu defendan memohon agar pembelaan dipindakan sebagaimana layak dan sesuai;
(v) sehingga penyata tuntutan dan penyata pembelaan dipinda prosiding ini digantungkan;
(vi) kos permohonan ini dijadikan kos mengikut kausa;
(vii) relif lanjut atau lain-lain relif sebagaimana mahkamah ini dapati adil dan sesuai.

Pihak plaintif-plaintif telah membantah terhadap permohonan tersebut oleh kerana tindakan telah pun difailkan pada 21 Mei 1987 dan penyata pembelaan telah dikeluarkan pada 26 Mac 1988. Atas permintaan plaintif-plaintif melalui saman dalam kamar yang difailkan pada 26 Februari 1990 untuk tarikh perbicaraan diawalkan dan tanpa apa-apa bantahan dari pihak defendan, perintah telah diberi seperti dipohon pada 13 Jun 1990 dan tarikh perbicaraan telah ditetapkan pada 7 Februari 1991. Hanya pada tarikh ini sahaja barulah peguam plaintif meminta penangguhan untuk membawa masuk penunggang motosikal yang terlibat sebagai pihak yang ketiga.

Alasan plaintif-plaintif adalah nyata dari susunan kejadian, kelewatan membuat permohonan ini telah berlaku. Tempoh yang terlibat dari tarikh tindakan difailkan ialah dua tahun sepuluh bulan. Mahkamah juga telah memerhatikan bahawa tiada pertukaran

peguam defendan telah berlaku untuk menyebabkan tindakan selewat ini.

Peguam yang arif bagi pihak defendan telah merujuk ke kes *Hee Awa & Ors* lwn *Syed Muhammad Sazalay & Anor*[1] di mana Mahkamah Agung telah menolak rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang telah memerintah penunggang motosikal yang terlibat dalam kemalangan di antara motosikal tersebut dengan van kepunyaan kerajaan atas pegangan bahawa pihak kerajaan dalam hal demikian boleh memilih menjadikan penunggang motosikal pihak sama ada melalui A 15 k 6(2)(b) atau A 16 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (kemudian disebut 'kaedah-kaedah tersebut'). Dalam kes berkenaan, pembonceng motosikal telah meninggal dunia dan penumpang van berkenaan telah tercedera. Penumpang van telah menuntut gantirugi terhadap penunggang motosikal di mahkamah sesyen dan pemandu van dan kerajaan telah dijadikan pihak ketiga. Ibubapa dan pentadbir kuasa pembonceng motosikal pula telah menuntut gantirugi terhadap pemandu van dan kerajaan di Mahkamah Tinggi dan dalam hal demikian Mahkamah Agung telah bersetuju dengan Mahkamah Tinggi bahawa penunggang motosikal sepatutnya dijadikan defendan bersama. Prinsip ini telah diperteguhkan selanjutnya oleh panel Mahkamah Agung yang lain dalam kes *Chan Yee* lwn *Chan Yoke Fong*.[2]

Walau bagaimanapun sungguhpun perkara ini tidak dibangkitkan oleh mana-mana pihak, mahkamah berpendapat bahawa kedudukan dalam kes ini adalah berlainan oleh kerana pihak yang hendak dijadikan defendan bersama oleh defendan ialah harta pesaka penunggang motosikal yang telah meninggal dunia (kemudian disebut 'simati') yang melaluinya plaintif pertama sebagai orang tanggungan sah harta pesaka simati sedang menuntut terhadap defendan. Jika permohonan dibenarkan, ini akan bermakna bahawa orang tanggungan sah harta pesaka simati sedang menuntut dari harta pesaka simati juga. Dalam kata lain, harta pesaka simati akan menjadi plaintif pertama dan juga defendan kedua dan ini bukanlah keadaan yang dimaksudkan oleh A 15 k 6(2)(b) kaedah-kaedah tersebut kerana ianya tidak sepatutnya timbul. Penyata pembelaan defendan juga telah membutirkan tentang kecuaian simati dan jika mahkamah berpendapat bahawa butir-butir tersebut telah dibuktikan selepas pendengaran dijalankan, tentulah plaintif pertama tidak akan berjaya langsung dalam tuntutannya.

Seterusnya, mahkamah telah pun menolak permohonan tersebut dengan kos.

Permohonan ditolak.

Peguamcara: *Gurdip & Co*; *KH Ting & Co.*

Dilaporkan oleh *Neoh Lay Choo*

Ng Wan Chan v Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan & Anor (No 2)

HIGH COURT (KUALA LUMPUR) — CIVIL SUIT NO R1-22-4-91
EUSOFF CHIN J
25 MAY 1991

Civil Procedure — Jurisdiction of High Court — Whether matter within jurisdiction of syariah court — Jurisdiction of syariah court — Federal Constitution, art 121(1A) & Ninth Schedule List II — Courts of Judicature Act 1964, ss 23 & 24 — Administration of Muslim Law Enactment 1952 (Selangor), s 45(2) & (3)

Islamic Law — Jurisdiction of syariah court — Determination of whether a person who had converted to the religion of Islam is presently, or if he had died, at the time of his death was Muslim or not — Federal Constitution, art 121(A) & Ninth Schedule List II — Courts of Judicature Act 1964, ss 23 & 24 — Administration of Muslim Law Enactment 1952 (Selangor), s 45(2) & (3)

The plaintiff is the widow of Lee Siew Kee ('the deceased') who died on 2 May 1991. She sought, inter alia, a declaration that the deceased was a Buddhist during his lifetime and at the time of his death. At the hearing of an application for interlocutory injunctions against the second defendant not to deliver the remains of the deceased to anyone but to her, and against the first defendant not to take possession of the remains of the deceased or interfere with the delivery of the remains of the deceased by the second defendant to the plaintiff, the first defendant's counsel raised a preliminary objection and challenged the jurisdiction of the High Court to entertain the plaintiff's claim. Counsel for the first defendant argued that this is a cause or matter which falls within the jurisdiction of the syariah court of the Federal Territory of Kuala Lumpur.

Held, dismissing the preliminary objection:

(1) The Federal Constitution, Ninth Schedule, List II — State List (para 1) specifically gives powers to state legislatures to constitute Muslim courts which when constituted, shall have jurisdiction only over persons professing the Muslim religion and in respect only of any of the matters included in that paragraph. A syariah court therefore derives its jurisdiction under a state law or for Federal Territories, an Act of Parliament, over any matter specified in the State List under the Ninth Schedule of the Federal Constitution.

(2) If state law does not confer on the syariah court any jurisdiction to deal with any matter stated in the State List, the syariah court is precluded from dealing with the matter. Jurisdiction cannot be derived by implication.

(3) The main issue in this application is the determination of whether the deceased was or was not a Muslim at the time of his death. Section 45(2) and (3) of the Selangor Administration of Muslim Law Enactment 1952 gives jurisdiction to the syariah court over matters enumerated there and these do not include the jurisdiction to determine if a person is professing and practising the Muslim religion or not.

(4) Since there is nothing to show that the syariah court has the jurisdiction conferred on it by any written law to determine the issue of whether a person was or was not a Muslim at the time of his death, the High Court is not precluded from determining that issue.

[Bahasa Malaysia summary

Plaintif adalah balu Lee Siew Kee ('simati') yang meninggal dunia pada 2 Mei 1991. Dia memohon antara lainnya, satu